



مجلس فريندران تايفينغ

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Jalan Taming Sari, 34000 Taiping
Tel : 05 8080777 Fax : 05 8067627

BORANG
HK 04

JABATAN KEJURUTERAAN

SURAT ULASAN MEMATUHI SYARAT

Koridor Utiliti Darul Ridzuan
B-G-9 & B-G-11 Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 IPOH



Tuan : KUDR/TNBB/B/08/24/0049(16)
Kami : MPT. HK/KUDR/6-1/24(2)
: 23 Jamadilawal 1446
: 25 November 2024

Tuan,

PERMOHONAN TAMBAHAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN SEBUAH KILANG DI ATAS LOT 11496, JALAN LOGAM 2, KAMUNTING RAYA INDUSTRIAL ESTATE, 34600 KAMUNTING, PERAK UNTUK TETUAN TAIPING KR INDUSTRIES SDN BHD – PERMOHONAN IZIN LALU BESERTA PERMIT

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat tuan adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, pihak tuan dikehendaki menyediakan serta mematuhi perkara-perkara berikut sebelum permit korekan dikeluarkan :

- Permit korekan dikeluarkan sentiasa berada di tapak pengorekan dan sebarang pertukaran jajaran hendaklah dimaklumkan pada pihak Majlis Perbandaran Taiping.
- Semua kerja-kerja pematangan jalan hendaklah menggunakan 'Diamond Cutter' sebelum mengorek jalan. Permukaan jalan hendaklah dibaiki dengan '**base course**' 12 inci (300mm) tebal dari batu *crushed run* bersaiz 75mm yang diluluskan oleh Majlis ini dan seterusnya diturap 2 inci (50mm) tebal dengan *premix* untuk '**wearing course**' dimampatkan **4 - 8 ton roller tandem**.
- Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja-kerja korekan yang berkaitan seperti bebendul, longkang, *scupper drains*, bahu jalan dan lain-lain perlu dibaiki atau di ganti semula.
- Tiada longgokan bahan binaan (contoh: pasir, *crusher run*) di atas jalan yang berturap.
- Turapan semula permukaan jalan yang dikorek dalam tempoh 24 jam, sisa korekan perlu dibuang dari kawasan korekan dan diganti dengan yang baru (pasir, *crusher run* tebal 300).
- Bahan-bahan binaan yang diletakan di atas bahu jalan hendaklah dikepong dengan papan tanda keselamatan yang mencukupi dan lebihannya dikeluarkan dari bahu jalan setelah kerja siap.
- Korekan bahu jalan hendaklah diarasakan sama dengan aras jalan dan ditanam semula rumput rapat-rapat (*closed turfing*).
- Korekan melibatkan permotongan merentangi jalan baru perlu kaedah *Horizontal Direct Drilling* (HDD).
- Tidak dibenarkan menebang atau merosakan akar pokok-pokok tanaman pada bahu jalan.
- Pemohon dikehendaki mengambil insurans bagi sebarang tuntutan awam, MPT tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kemalangan.

Ruj.Tuan : KUDR/TNBB/B/08/24/0049(16)
Ruj.Kami : MPT. HK/KUDR/6-1/24(2)
Tarikh : 23/25 Jamadilawal 1446
November 2024

4. Pihak tuan perlu menjelaskan bayaran di bawah :
- a. Bayaran Fee Permit sebanyak RM 9,060.00
 - b. Bayaran Cagaran sebanyak RM 2,000.00.
- Bayaran secara tunai/chek/bank deraf sahaja diatas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping.
5. Jika melibatkan pokok atau landskap Majlis pihak tuan perlu memaklumkan pada pihak **Jabatan Perancangan Dan Pembangunan Bandar (MPT)** sebelum kerja pengorekan dilaksanakan, Jalan yang bukan diselenggara oleh pihak Majlis perlu mendapatkan kelulusan dari pihak Persendirian/Persatuan yang berkenaan, Pejabat Daerah Larut Matang & Selama dan Jabatan Kerja Raya (JKR).
6. Pihak Majlis tidak membenarkan korekan di atas **jalan yang baru diturap**. Kaedah kerja pengorekan laluan tidak dibenarkan dikorek menggunakan kaedah '**Open Cut**', mesti menggunakan kaedah **HDD**.
7. Sebarang pemasangan ditiang sediaada pihak tuan pihak perlu mendapatkan kelulusan dari pihak utiliti yang berkaitan, pihak Majlis tidak bertanggungjawab jika berlaku apa-apa tuntutan dari pihak Utiliti.
8. Selain itu, pihak tuan juga dikehendaki mengemukakan **Surat Persetujuan** daripada pihak **Utiliti** di atas **perkara 3 (a) hingga (j)** serta mematuhi **Syarat Korekan Lampiran A** dan **No. Akaun** pembayar serta **Salinan Resit Pembayaran** untuk mengeluarkan permit korekan. Surat ulasan ini, sah dalam tempoh 30 hari daripda tarikh surat ini. Selepas 30 hari maka ulasan ini terbatal dan pihak tuan perlu membuat permohonan yang baru.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MPT CEMERLANG SEPANJANG MASA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI MOHD YUSOFF BIN HAJI CAROSHAU.,PPT.)
Pengarah Kejuruteraan,
b.p. Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Taiping.

"PERAK SEJAHTERA 2030"
"PROMISING PERAK"TMP2024

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD TINDAKAN / MAKLUMAN	
<input checked="" type="checkbox"/>	KETUA OPERASI
<input type="checkbox"/>	PENYURUS PEMBER MANSURAH
<input type="checkbox"/>	KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
<input type="checkbox"/>	PENGURUS KORIDOR NEGERI
<input type="checkbox"/>	PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN
CATATAN Hindian selanjutnya 	